

Jangan peralatkan masyarakat Penan

28 APR 1992

KUALA LUMPUR, 28 April — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara Barat serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berhenti memeralatkan kaum Penan di Sarawak dalam kempen mereka menentang penggunaan kayu tropika.

Menurut Perdana Menteri, aktivis antikayu tropika menggunakan Penan sebagai alasan menentang pembalakan berikutan kempen mereka tidak mendapat perhatian di dunia antarabangsa.

"Apabila kempen mereka tidak berjaya, mereka menggunakan Penan, yang sebenarnya tidak sukakan keganasan dan patuh kepada undang-un-

dang. Mereka didesak menjadi ganas, mengadakan penentangan, menyekat jalan dan melawan pihak berkuasa," katanya.

Berucap merasmikan Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di sini hari ini, beliau berkata kaum Penan yang berjumlah kira-kira 10,000 asalnya petani dan pemburu yang hidup berpindah-randah.

"Kira-kira 9,000 sudah menetap di ladang, cuma 1,000 yang tinggal di hutan. Jika mereka memilih untuk terus tinggal di hutan, kerajaan akan menghormati keputusan

mereka. Tetapi keputusan itu mestilah hasil pertimbangan teliti dan bukan berpunca daripada kempen antikayu tropika tajaan negara Utara.

"Kempen menentang kayu tropika jelas menunjukkan eksploitasi terhadap isu alam sekitar. Kalau bukan kerana sikap ini, tenaga aktivis alam sekitar boleh ditumpukan kepada bentuk pencemaran lain, seperti CFC," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara Barat yang mengeluarkan kayu iklim sederhana sepatutnya bersaing dengan kayu tropika dalam pasaran terbuka dan perdagangan bebas, yang mereka sendiri perjuangkan selama ini.